

Dunia akademik berperanan penting bantu capai objektif dasar bioteknologi: Madius

NGT 27-1-2016 8

KOTA KINABALU: Warga akademik memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan mencapai objektif Dasar Bioteknologi, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wilfred Madius Tangau.

Beliau berkata dunia akademik mampu menyokong usaha kerajaan untuk meletakkan asas yang kukuh termasuk pembangunan sumber manusia dengan melahirkan tenaga kerja mahir.

Katanya, ia akan mengutamakan penyelidikan dan pembangunan dalam sektor penting dan membina infrastruktur teknologi yang akan menggalakkan inovasi dan pembangunan industri.

"Persidangan seperti Seminar An-

tarabangsa Kejuruteraan Bioproses ini yang diiktiraf sepenuhnya oleh kerajaan memandangkan ia merupakan platform ideal untuk mempamerkan hubungan sinergi antara industri dan dunia akademik melalui pertukaran pengetahuan, idea dan peluang komersial melalui situasi menang menang," katanya dalam ucapan pembukaan seminar itu di sini hari ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Setiausaha Politiknynanya, Joisin Romut.

Seminar selama empat hari mulai hari ini tersebut dianjurkan Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama UMS Investment Holdings Sdn Bhd (UiNVEST).

Sementara itu, Naib Canselor

UMS, Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata usaha untuk meneroka potensi besar dalam industri bioproses perlu melibatkan warga akademik.

Beliau berkata UiNVEST akan mewujudkan dana bernilai RM100 juta untuk pembelian bioteknologi dalam usaha merangsang hasil penyelidikan dan mengurangkan masa yang diperlukan bagi membawa produk kepada pasaran.

"Pembelian yang berpotensi akan melalui proses kajian daya maju yang ketat dan akan dilesenkan kepada syarikat terpilih atau institusi penyelidikan.

"Kerjasama antarabangsa turut memudahkan lagi pindahan teknologi dan kepakaran serta menambah baik akses kepada bidang pengetahuan yang lebih luas," katanya.-Bernama